

02 NOV 1999

Syed Hamid-Hak

UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN TURUT SUMBANGKAN PEMBANGUNAN, KATA SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Undang-undang pencegahan Malaysia telah membolehkan negara untuk membangun dan terus aman bagi manfaat penduduknya, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

"Ada orang mengatakan negara kita tidak ada demokrasi atau menghormati hak asasi manusia kerana kita mempunyai undang-undang pencegahan seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Akta Hasutan.

"Saya rasa mereka yang memperkatakan mengenai perkara inilah yang nampaknya tidak menghargai bahawa undang-undang inilah yang membolehkan kita untuk membangun, untuk bergerak dengan selamat dari satu tempat ke satu tempat di dalam negara kita," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku `Human Rights: Views of Dr Mahathir Mohamad', satu kompilasi ucapan perdana menteri mengenai isu itu, di sini.

Syed Hamid berkata hanya mereka yang berhasrat melakukan sebarang kesalahan yang bimbang mengenai kewujudan undang-undang sedemikian.

Katanya hakikat bahawa Malaysia masih belum menandatangani perjanjian hak politik dan sivil PBB tidak bermakna ada kegagalan dalam hak politik di negara ini.

Beliau berkata Malaysia merupakan sebuah daripada beberapa negara yang mempunyai pelbagai parti politik dan akhbar malahan akhbar vernakular serta akhbar parti yang mengkritik kerajaan dan para pemimpinnya.

Suara pembangkang tidak disekat membuatkan mereka terus menyebarkan pembohongan kepada rakyat, katanya.

"Adakah itu menafikan hak mereka? Tidak ada langsung penafian yang dilakukan tetapi setiap kali mereka melakukan sesuatu yang mungkin melibatkan undang-undang dan ketenteraman, maka kita akan mengambil tindakan," katanya.

Menteri itu juga menyatakan keyakinan mengenai kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang dengan berkata bagi kerajaan gabungan itu, bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bukan satu isu dalam pilihan raya nanti.

Mengenai buku itu, beliau berkata Dr Mahathir menunjukkan bukan hanya satu tetapi banyak dimensi kepada hak asasi manusia.

Syed Hamid berkata hak asasi manusia sering dibincangkan daripada sudut pandangan Barat dan sudah tiba masanya pendapat negara membangun mengenai perkara itu yang disuarakan oleh seorang daripada pemimpinnya didengar oleh masyarakat antarabangsa.

Katanya adalah penting bagi rakyat Malaysia memahami isu-isu berhubung hak asasi manusia kerana perkara sedemikian kini semakin digunakan sebagai helah untuk campurtangan dalam hal ehwal negara lain.

Buku setebal 200 muka surat itu disusun oleh Yayasan Belia Dunia.

-- BERNAMA

MAM RON